



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
TINGGI



---

**SEBUTHARGA BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TONER/  
DAKWAT PENCETAK DAN MESIN PENYALIN  
KE POLITEKNIK JELI KELANTAN**

**NO. SEBUTHARGA: PJK(S)/SH/Q01/2016**

---

**Tarikh Iklan : 02 Mac 2016 (Rabu)**

**Tarikh Tutup : 08 Mac 2016 (Selasa)  
12.00 tengah hari**

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.	Kenyataan Sebutharga	2
2.	Borang Kew. 284 – Pin. 5/94 (Lampiran Q)	3 – 4
3.	Syarat-syarat Am	5 – 8
4.	Arahan Kepada Penyebutharga	9 – 12
5.	Jadual 1: Jadual Harga	13
6.	Jadual 2: Jadual Spesifikasi Teknikal	14
7.	Jadual 3: Butir-butir Penyebutharga	15
8.	Jadual 4: Surat Akuan Penyebutharga	16 – 17
9.	Jadual 5: Surat Akuan Pembida	18
10.	Senarai Semakan Dokumen	19

---

**PERINGATAN PENTING**

1. Penyebutharga dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir Dokumen Sebutharga sebelum mengemukakan tawaran.
2. Penyebutharga yang tersilap mengisi borang atau melanggar mana-mana arahan dan syarat-syarat dalam dokumen sebutharga ini tidak akan dipertimbangkan tawarannya

## KENYATAAN SEBUTHARGA

**KOD SEBUTHARGA: PJK(S)/SH/Q01/2016**

### **PELAWAAN SEBUTHARGA**

Sebutharga adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang mahir dan berpengalaman serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia **di bawah kod bidang 020201 (Mesin-mesin Pejabat dan Aksesori)** untuk menyertai sebutharga berikut:

**SEBUTHARGA BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TONER/  
DAKWAT PENCETAK DAN MESIN PENYALIN  
KE POLITEKNIK JELI KELANTAN**

Dokumen sebutharga (Lampiran Q dan Jadual 1 – 5) yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:

**UNIT PENTADBIRAN  
POLITEKNIK JELI KELANTAN  
JALAN RAYA TIMUR - BARAT  
17600 JELI  
KELANTAN  
Tel. : 09-944 3600  
Faks : 09-946 2802  
Emel : [sebutharga@pjk.edu.my](mailto:sebutharga@pjk.edu.my)**

Tarikh Tutup : 08 Mac 2016 (Selasa)  
Masa : 12.00 tengah hari

**LAMPIRAN Q**  
**(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

(Kew.284 – Pin. 5/94)

No. Sebutharga <b>PJK(S)/SH/Q01/2016</b>
---

**KERAJAAN MALAYSIA**  
**NEGERI KELANTAN**  
**SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebutharga

Kepada (Nama Syarikat) .....

.....

.....

No. Telefon .....

No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan


.....

.....

Kod Bidang Pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini .....

Pelawaan sebutharga dikeluarkan oleh  
Jabatan:  
(Alamat Lengkap)  
**POLITEKNIK JELI**  
Jalan Raya Timur - Barat  
17600 Jeli, Kelantan  
No. Telefon 09-944 3600  
Tarikh :

1. Sila beri sebutharga untuk bekalan barang-barang/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
  - 1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan .....
  - 1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki .....
  - 1.3 Arahan pengiriman: **PENGARAH POLITEKNIK JELI, Jalan Raya Timur – Barat, 17600 Jeli, Kelantan**
  - 1.4 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda no. Sebutharga **PJK(S)/SH/Q01/2016**
  - 1.5 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari **08 MAC 2016.**
  - 1.6 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah .....90.....hari selepas tarikh tutup.

Tandatangan:  .....

Nama pegawai: **NIK SYAHIDA BINTI NIK AB MALIK**

Jawatan: **PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT**

Tarikh:

Bil	Perihal barang-barang/pekhidmatan dan syarat-syarat khas	Unit ukuran	Kuantiti/kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebutharga	
1	<p>SEBUTHARGA BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TONER/ DAKWAT PENCETAK DAN MESIN PENYALIN KE POLITEKNIK JELI KELANTAN <i>Spesifikasi seperti di Lampiran (Jadual 2)</i></p> <p>Sila kembalikan bersama salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor dengan Kementerian Kewangan dalam bidang berkaitan</p>	Rujuk butiran di Jadual 1			
				Jumlah	

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- (ii) **Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah .....**

Saya/kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan  
 Penyebutharga.....  
 Nama dan  
 K/P.....  
 Alamat  
 Syarikat.....

Tarikh.....

**Mustahak – Lihat Syarat-Syarat Am Di Belakang**

## SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

**1. KEADAAN BARANG**

Semua barang hendaklah **tulen, baru dan belum digunakan**. Sekiranya pihak Politeknik Jeli Kelantan (PJK) mendapati bekalan yang diterima adalah tidak tulen, penggantian bekalan tersebut hendaklah dibuat tanpa mengenakan apa-apa bayaran/ kos kepada PJK.

**2. HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

**3. SEBUTHARGA SEBAHAGIAN**

Sebutharga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

**4. JANGKA HAYAT BARANG**

Jangka hayat barang yang dibekalkan hendaklah **tidak kurang dari dua belas (12) bulan** dari tarikh penerimaan bekalan. Dalam tempoh jaminan ini, semua penggantian bekalan yang rosak hendaklah dibuat tanpa mengenakan apa-apa bayaran/ kos kepada PJK.

**5. JADUAL PENGHANTARAN**

(i) Pembida yang berjaya wajib membuat penghantaran ke:

POLITEKNIK JELI  
JALAN RAYA TIMUR-BARAT  
17600 JELI  
KELANTAN

secara berperingkat sebanyak tiga (3) kali dengan kuantiti seperti di JADUAL 1. Tempoh penghantaran adalah empat belas (14) hari dari tarikh permohonan bekalan dibuat. PJK juga berhak ke atas penghantaran bekalan secara *upon request* yang munasabah dan bagi kes-kes kecemasan.

- (ii) PJK berhak meminda peringkat penghantaran di Jadual 1 sebelum dan selepas kontrak ditandatangani.

**6. PEMBAYARAN**

- (i) Bayaran bagi pembekalan barang ini akan dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM).
- (ii) Pembayaran akan dibuat di setiap peringkat berdasarkan amaun yang ditetapkan di jadual harga setelah pembida yang berjaya membekal dan menghantar sepenuhnya kuantiti yang dikehendaki di peringkat penghantaran tersebut.

**7. PERSETUJUAN**

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk menyetujui terima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga
- (ii) Tiap-tiap satu butiran akan dipertimbangkan sebagai suatu sebutharga yang berasingan.

**8. PEMERIKSAAN**

- (i) Kerajaan adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- (ii) Penyebutharga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

**9. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI**

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa barang-barang/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

**10. PENOLAKAN**

- (i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebutharganya boleh ditolak.
- (ii) Apabila diminta penyebutharga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.

- (iii) Fasal kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan gantirugi kerana kemungkiran kontrak.

**11. PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

**12. TAFSIRAN**

Sebutharga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidangkuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

**13. INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebutharga.

**BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA**

**14. CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

**15. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

**16. PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

## **BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**

### **17. CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

### **18. MATAWANG**

Sebutharga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

### **19. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebutharga.

ruangan ini sengaja dibiarkan kosong



## ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

### 1. **HAK POLITEKNIK JELI KELANTAN (PJK) UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUTHARGA**

PJK adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

### 2. **CADANGAN SEBUTHARGA**

2.1 Cadangan Sebutharga hendaklah menggunakan borang-borang yang disediakan. Borang-borang yang telah lengkap diisi (Lampiran Q dan Jadual 1 – 5) hendaklah dimasukkan dalam sampul surat berlakri (bagi serahan melalui pos atau hantar sendiri) dan ditulis NO. SEBUTHARGA: PJK(S)/SH/Q01/2016 beserta tajuk sebutharga pada sudut atas sebelah kiri sampul tersebut seperti berikut:

NO. SEBUTHARGA: PJK(S)/SH/Q01/2016

SEBUTHARGA BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TONER/  
DAKWAT PENCETAK DAN MESIN PENYALIN KE POLITEKNIK  
JELI KELANTAN

2.2 Penyebutharga hendaklah menyebutharga berdasarkan spesifikasi yang dinyatakan secara terperinci di dalam JADUAL 1 – JADUAL HARGA dan JADUAL 2 - JADUAL SPESIFIKASI TEKNIKAL tanpa ada sebarang penambahan pada senarai berkenaan.

### 3. **PENYERAHAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

3.1 Dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi boleh dihantar ke PJK melalui faks, emel, pos atau hantar sendiri **pada atau sebelum 08 MAC 2016 (SELASA) sebelum jam 12.00 tengah hari** ke alamat berikut:

**UNIT PENTADBIRAN  
POLITEKNIK JELI KELANTAN  
JALAN RAYA TIMUR - BARAT  
17600 JELI, KELANTAN  
Tel. : 09-944 3600  
Faks : 09-946 2802  
Emel : [sebutharga@pjk.edu.my](mailto:sebutharga@pjk.edu.my)**

3.2 PJK tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran sebutharga selepas tarikh dan masa sebutharga ditutup.

4. **PENJELASAN BERKAITAN SPESIFIKSI/ TEKNIKAL**

Penyebutharga hendaklah meminta penjelasan berkaitan spesifikasi/ teknikal yang tidak jelas atau bercanggah daripada politeknik melalui:

Nama	Encik Mohd Amin bin Mohd Nawi
No. Telefon	09-944 3628
No. Faks	09-946 2802
Email	amin@pjk.edu.my

(Catatan: Sebarang pertanyaan selepas tarikh tutup sebutharga tidak akan dilayan)

5. **FI PERKHIDMATAN ePEROLEHAN**

5.1 Kadar fi perkhidmatan sebanyak **0.8%** bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600.00 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi pembelian yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one time payment*).

5.2 Kadar fi perkhidmatan sebanyak **0.4%** bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM4,800.00 bagi setiap transaksi bayaran yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) sama ada melalui Jadual Penghantaran (*Delivery Schedule*), Pencapaian Perkhidmatan (Milestone), Bayaran Kemajuan (*Progressive Payment*) atau mengikut permintaan (*as-and-when-required*) yang ditetapkan dalam tempoh kontrak.

Caj yang dikenakan ini adalah termaktub dalam terma dan syarat bagi pendaftaran pembekal di bawah sistem eP.

6. **JANGKA MASA SAH LAKU SEBUTHARGA**  
Sebutharga mestilah sah laku dalam jangka masa sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari daripada tarikh tutup Sebutharga.
  
7. **KEPERLUAN DAN SPESIFIKASI**  
Keperluan dan spesifikasi bagi perkhidmatan yang diperlukan dalam Sebutharga ini adalah dinyatakan dalam Jadual Spesifikasi Teknikal (Jadual 2).
  
8. **HARGA**
  - 8.1 Harga bagi semua perkara dan bidang kerja yang disebutbargakan mestilah dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan hendaklah termasuk semua kos perkhidmatan. Harga ini mestilah tidak termasuk semua cukai duti kastam dan mestilah sah laku (*valid*) dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh tutup sebutharga seperti yang ditawarkan dalam **Jadual 1**.
  
  - 8.2 Harga tawaran yang dikemukakan juga adalah **tanpa kenaan GST**.
  
  - 8.3 Harga-harga yang ditawarkan dalam sebutharga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebutharga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sahlaku sebutharga. Penyebutharga yang berjaya ditawarkan sebutharga ini hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan KECUALI atas persetujuan bersama oleh kedua-dua pihak
  
9. **DENDA**  
Sekiranya **Penyebutharga** gagal melaksanakan **Perkhidmatan** dalam tempoh yang ditetapkan atau dalam tempoh lanjutan yang dipersetujui bersama di antara **Kerajaan** dan **Penyebutharga**, maka **Penyebutharga** dikehendaki membayar denda dalam tempoh **tiga puluh (30)** hari setelah menerima notis denda daripada **Kerajaan**. Kadar denda ini ialah **satuperatus (1%)** daripada **Nilai Sebutharga** untuk setiap minggu kelewatan dan tidak melebihi **dua belas peratus (12%)** daripada **Nilai Sebutharga**.

## 10. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 10.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 10.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) atau di balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 10.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah.
- 10.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekalkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

**JADUAL HARGA**

**SEBUTHARGA BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TONER/DAKWAT PENCETAK DAN MESIN PENYALIN  
KE POLITEKNIK JELI KELANTAN**

NO. SEBUTHARGA: PJK(S)/SH/Q01/2016

BIL	JENAMA	TONER / KATRIJ	HARGA SEUNIT (RM)	KUANTITI	JADUAL PENGHANTARAN					
					PERINGKAT I		PERINGKAT II		PERINGKAT III	
					(MAC 2016)	RM	(JUN 2016)	RM	(SEPT 2016)	RM
1	CANON	318 black LBP7680C		5	2		2		1	
2	CANON	318 cyan LBP7680C		5	2		2		1	
3	CANON	318 magenta LBP7680C		5	2		2		1	
4	CANON	318 yellow LBP7680C		5	2		2		1	
5	CANON	333 black toner for LBP8780x		4	2		2		0	
6	CANON	322 black toner for LBP9100CDN		4	2		1		1	
7	CANON	322 cyan toner for LBP9100CDN		4	2		1		1	
8	CANON	322 magenta toner for LBP9100CDN		4	2		1		1	
9	CANON	322 yellow toner for LBP9100CDN		4	2		1		1	
10	CANON	326 black LBP6230		25	12		7		6	
11	CANON	325 black for LBP6030DN		25	12		7		6	
12	CANON	328 Black		2	1		0		1	
13	SHARP	Laser Toner Cartridge AR5623, MX235GT		12	4		4		4	
14	SAMSUNG	MLT-D103S Black		1	1		0		0	
		JUMLAH TONER/KATRIJ			48		32		25	
		HARGA KESELURUHAN TERMASUK PENGHANTARAN (RM)								0

Cop Pembekal:

.....

Nota:

Permohonan bekalan dan penghantaran bergantung kepada keperluan semasa dan tidak tertakluk kepada jadual penghantaran di atas

**JADUAL SPESIFIKASI TEKNIKAL**

**SEBUTHARGA BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TONER/ DAKWAT  
PENCETAK DAN MESIN PENYALIN KE POLITEKNIK JELI KELANTAN**

NO. SEBUTHARGA: PJK(S)/SH/Q01/2016

BIL	JENAMA	TONER / KATRIJ	NEGARA ASAL	Spesifikasi yang ditawarkan ditanda '√' dan dicatatkan Memenuhi
1	CANON	318 Black LBP7680C		
2	CANON	318 Cyan LBP7680C		
3	CANON	318 Magenta LBP7680C		
4	CANON	318 Yellow LBP7680C		
5	CANON	333 Black Toner for LBP8780x		
6	CANON	322 Black Toner for LBP9100CDN		
7	CANON	322 Cyan Toner for LBP9100CDN		
8	CANON	322 Magenta Toner for LBP9100CDN		
9	CANON	322 Yellow Toner for LBP9100CDN		
10	CANON	326 Black LBP6230		
11	CANON	325 Black for LBP6030DN		
12	CANON	328 Black		
13	SHARP	Laser Toner Cartridge AR5623, MX235GT		
14	SAMSUNG	MLT-D103S Black		

**BUTIR-BUTIR PENYEBUTHARGA**

**A. MAKLUMAT SYARIKAT**

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	
1	Nama Syarikat	:
2	Nombor Pendaftaran Syarikat	:
3	Tarikh Ditubuhkan	:
4	Jenis Perniagaan	:
5	Taraf	: Syarikat Bumiputera/Bukan Bumiputera*
6	Status	: Syarikat Tempatan/SyarikatAsing*
7	Alamat Syarikat	:
8	Nombor Telefon Syarikat	:
9	Nombor Faks Syarikat	:
10	Alamat E-mel Syarikat	:

**B. MAKLUMAT PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI UNTUK URUSAN SEBUTHARGA INI**

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	
1	Nama	:
2	Jawatan	:
3	Alamat Syarikat	:
4	Nombor Telefon Pejabat	:
5	Nombor Telefon Bimbit	:
6	Nombor Faks	:
7	Alamat E-mel	:

\* Potong Mana Yang Tidak Berkenaan

**SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA**

Pengarah  
Politeknik Jeli Kelantan  
Jalan Raya Timur – Barat  
17600 Jeli  
Kelantan

Tuan,

**SEBUTHARGA BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TONER/ DAKWAT  
PENCETAK DAN MESIN PENYALIN KE POLITEKNIK JELI KELANTAN**

**NO. SEBUTHARGA: PJK(S)/SH/Q01/2016**

Adalah dimaklumkan bahawa syarikat \_\_\_\_\_  
mengesahkan mengambil bahagian dalam Sebutharga **PJK(S)/SH/Q01/2016**  
untuk **Membekal dan Menghantar Toner/ Dakwat Pencetak dan Mesin  
Penyalin ke Politeknik Jeli Kelantan**. Harga yang ditawarkan dalam sebutharga  
ini adalah seperti dalam Jadual Harga (Jadual 1) yang terkandung di dalam  
tawaran sebutharga.

2. Syarikat bersetuju bahawa sebutharga yang ditawarkan ini sah laku (valid)  
selama sembilan puluh (90) hari daripada tarikh tutup sebutharga. Dalam tempoh  
tersebut syarikat tidak boleh menarik diri daripada sebutharga ini atau meminda  
harga.

3. Syarikat sebagai Penyebutharga dengan ini bersetuju menerima, mematuhi  
dan terikat dengan syarat-syarat sebutharga dan spesifikasi yang terkandung  
dalam dokumen sebutharga. Syarikat juga telah memahami bahawa Kerajaan  
berhak menerima atau menolak tawaran ini. Pihak Kerajaan juga adalah berhak  
mempersetujui tawaran sebutharga sama ada kesemuanya atau sebahagiannya.

4. Sekiranya, sebutharga kami ini dipersetujui, maka pihak kami dalam masa  
tempoh empat belas (14) hari dari tarikh notis setuju terima dikeluarkan akan  
memberi Bon Pelaksanaan sebanyak RM \_\_\_\_\_  
(Ringgit Malaysia: \_\_\_\_\_)  
kepada Kerajaan untuk memastikan Kontrak dilaksanakan mengikut syarat-syarat  
di dalam Kontrak (jika berkaitan).

5. Syarikat juga faham dan bersetuju iaitu apabila sebutharga ini dipersetujui  
melalui notis setuju terima, maka sebahagian daripada Kontrak adalah disifatkan  
sebagai telah dibuat di antara Syarikat ini dengan Kerajaan.



6. Kami yang bertandatangan di bawah ini mengesahkan bahawa dokumen sebutbarga yang digunakan untuk sebutbarga ini adalah yang sebenarnya oleh syarikat ini.

Tandatangan  
Penyebutharga :

Nama Penyebutharga :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Nama Dan Alamat  
Syarikat :

Cop Syarikat:

Nombor Pendaftaran  
Syarikat :

Tarikh:

Tandatangan Saksi :

Nama Saksi :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Nama Dan Alamat  
Syarikat :

Cop Syarikat:

Nombor Pendaftaran  
Syarikat :

Tarikh:

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**Bagi**

**SEBUTHARGA BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TONER/ DAKWAT  
PENCETAK DAN MESIN PENYALIN KE POLITEKNIK JELI KELANTAN**

**NO. SEBUT HARGA: PJK(S)/SH/Q01/2016**

Saya, \_\_\_\_\_ nombor K.P. \_\_\_\_\_  
yang mewakili \_\_\_\_\_

nombor Pendaftaran \_\_\_\_\_ (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)

dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Politeknik Jeli Kelantan (PJK) atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat perisytiharan ini (jika berkaitan).

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam PJK atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebutharga di atas; atau

2.2 penamatan kontrak bagi sebutharga di atas; dan

2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut Peraturan Perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

(Nama dan No. KP)


Cop Syarikat:

## SENARAI SEMAKAN DOKUMEN

### CADANGAN TAWARAN

### SEBUTHARGA BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TONER/ DAKWAT PENCETAK DAN MESIN PENYALIN KE POLITEKNIK JELI KELANTAN

PJK(S)/ SH/ Q01/ 2016



Sila tandakan (✓) bagi dokumen-dokumen yang dikemukakan

Bil.	Dokumen	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh JK Penilaian Sebutharga
1.	Senarai Semakan Dokumen	✓		
2.	Borang Kew. 284 – Pin. 5/94 (Lampiran Q)	✓		
3.	Jadual 1 - Jadual Harga Tawaran	✓		
4.	Jadual 2 – Jadual Spesifikasi	✓		
5.	Jadual 3 - Butir-butir Penyebutharga	✓		
6.	Jadual 4 - Surat Akuan Sebutharga	✓		
7.	Jadual 5 - Surat Akuan Pembida	✓		
8.	Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan/ Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Yang Masih Berkuatkuasa (salinan yg telah disahkan)	✓		
<b>Pengesahan Oleh Syarikat</b>  Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.		<b>Untuk Kegunaan Kerajaan</b>  Jawatankuasa Penilaian Sebutharga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada).		
Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:  Cop Pembekal:		Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:		

Nota: Maklumat dokumen perlu dikemaskini mengikut kehendak Sebutharga yang ditawarkan